



# kaunseling Remaja

Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada [rencana@hmetro.com.my](mailto:rencana@hmetro.com.my)

**S**AYA tahu sesiapa yang membaca kisah ini pasti akan mengatakan saya kurang bijak kerana sengaja mengundang masalah.

Saya menuntut di sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) dan kini bercinta dengan kekasih yang juga suami orang. Saya bertemu dengannya melalui laman sosial.

Pada mulanya, hubungan kami hanya sebagai kawan biasa yang bertukar pendapat, apatah lagi dia matang dan banyak pengalaman.

Kami kian mesra dan akhirnya terbit perasaan kasih dan saya merasakan dialah lelaki terbaik kerana banyak memberi bimbingan dan kata perangsang.

Saya datang dari keluarga yang berantakan dan apabila ada seorang lelaki yang penuh perhatian, hati saya jadi cair dan terputat.

Biariah orang kata cinta itu buta, namun untuk melupakannya memang sukar apatah lagi dia cinta pertama saya.

Kami sering berjumpa dan pada peringkat awal dia menyorkan statusnya.

Bagaimanapun, akhirnya dia mengaku, berkahwin dan

# Pelajar IPT jatuh cinta suami orang

mempunyai dua anak.

Isterinya kini sarat mengandung anak ketiga. Hanya Tuhan saja yang tahu betapa hancurnya hati saya namun cinta mengatasi segalanya.

Biarpun hubungan kami penuh konflik, saya sanggup menghadapinya biarpun terpaksa hidup bersedu.

Apatah lagi, teman lelaki sudah menyatakan persetujuan untuk memperisterikan saya dan sudah melamar beberapa kali.

Hati saya mahu menerima lamarannya, namun kadang kala terfikir sama ada sanggup menghadapi cabaran selepas berkahwin.

Saya sedar alam percintaan tidak akan sama dengan alam perkahwinan dan kini buntu

serta terperangkap dalam keadaan tidak diinginkan ini.

MENCARI PENYELESAIAN  
Perlis Indra Kayangan

**C**INTA yang bermula dari ruang siber kini menjadi semakin biasa kerana proses kesejagatan teknologi maklumat sudah memungkinkan segalanya termasuk soal perasaan dan hati.

Berbalik kepada persoalan sama ada adik sanggup menjadi isteri keduanya atau tidak hanya adik yang mampu memberikan jawapannya.

Paling utama, adik perlu ikhlas untuk mendengar suara hati dan kemampuan diri sendiri.

Tanyakan pada diri sudah

mampukah adik daripada aspek emosi, rohani, fizikal dan minda untuk berkongsi suami dengan seorang wanita lain?

Isu poligami boleh menjadi isu yang sangat sensitif kepada wanita. Banyak perkara yang perlu adik lakukan jika hidup bersedu, antaranya menghormati madu, berkompromi, berbaik sangka, berterus terang dan jujur terhadap diri sendiri atau kepada suami dan madu adik. Kesediaan ini penting untuk adik memasuki alam hidup bersedu.

Suami pula penting dalam mencorakkan kehidupan satu atau dua rumah tangga yang dibina. Keadilan terhadap isteri-isteri perlu wujud.

Hidup bersedu bukan setakat mempunyai lebih satu isteri, tetapi ia memabitkan suami bersifat adil dan saksama dari segi hak dan tanggungjawab terhadap isteri yang dimadukan. Setiap daripada isteri diberikan hak sama rata agar tidak berlaku diskriminasi.

Jika adik mengambil keputusan untuk tidak menerima lamaran kekasih, adik perlu belajar secara perlahan-lahan untuk melupakannya.

Ja memang sukar tetapi lambat laun adik akan belajar untuk melupakannya. Kata bernadiah ialah "kesusahannya tidak semuanya seksaan dan yang paling pahit itu bukan semuanya racun. Tetapi ada kalanya lebih berguna

daripada kesenangan yang terus-menerus".

Ini adalah untuk kebaikan diri adik, kekasih dan keluarganya. Perasaan cinta adalah seperti air hujan. Lebat mencurah, tetapi pasti akan berhenti. Cinta juga adalah perasaan hebat.

Namun, masa akan menghilangkan perasaan ghairah cinta itu dan membantu adik nanti untuk perlahan-lahan belajar melupakan kekasih adik.

Penuhkan masa lapang adik dengan melakukan aktiviti yang boleh mengalihkan perasaan adik daripada mengingati kekasih. Dalam kehidupan ini, banyak pengorbanan yang perlu kita lakukan.

Selain itu, berdoaah kepada Allah supaya adik dapat menemui kebahagiaan dalam hidup.

Doa memberi kekuatan pada orang yang lemah, membuat orang tidak percaya menjadi percaya dan memberikan keberanian kepada orang yang ketakutan.

Apapun keputusan yang adik ambil, Dr doakan semoga diri adik berbahagia.